

30 AUG 2001

Najib-Myanmar

MALAYSIA DAN MYANMAR JALIN KERJASAMA KETENTERAAN LEBIH ERAT

Oleh: Shahrullizan Rusli

YANGON, 30 Ogos (Bernama) -- Hubungan kerjasama ketenteraan antara Malaysia dan Myanmar kini memasuki fasa baru dengan Malaysia menawarkan bantuan kepakaran teknologi dalam industri pertahanannya kepada negara itu.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata sebelum ini hubungan ketenteraan di antara kedua-dua buah negara adalah sekadar kerjasama dalam bentuk latihan ketenteraan.

"Mereka amat berminat untuk tahu kepakaran kita dalam bidang teknologi pertahanan dan bagaimana mereka boleh mendapat manfaat daripada pengetahuan dan kepakaran yang ada pada Malaysia," katanya kepada Bernama pada hari terakhir lawatan empat hari ke sini.

Tentera Myanmar berminat untuk memperolehi teknologi pertahanan Malaysia, katanya.

Pasukan teknikal yang mewakili tentera laut, udara dan darat Myanmar bercadang melawat Malaysia tidak lama lagi untuk meninjau peluang kerjasama dalam industri pertahanan, katanya.

Myanmar mempunyai industri pertahanan yang menghasilkan roket jarak dekat, peluru, bom, periuk api dan senapang tetapi menggunakan teknologi yang agak lama.

Kemuncak lawatan Najib ke Myanmar ialah pertemuan dengan Perdana Menterinya, Jeneral Kanan Than Shwe, yang juga Pengerusi State Peace and Development Council (SPDC) di istana beliau pada 28 Ogos lalu.

Tan Shwe yang pernah menerima kunjungan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal tahun ini telah memberitahu bahawa beberapa pandangan dan idea yang diberikan oleh Dr Mahathir sedang dilaksanakan oleh negara itu, katanya.

Najib juga berkata kerajaan Myanmar menunjukkan minat yang besar terhadap sebarang usaha peningkatan hubungan dua hala.

Peluang kepada pengusaha Malaysia melabur di negara yang mempunyai 44 juta penduduk itu adalah besar dengan potensi yang baik kerana tenaga buruh yang murah dan hasil bumi yang belum diteroka sepenuhnya, katanya.

"Perdana Menteri (Dr Mahathir) menggalakkan pengusaha Malaysia mencari peluang perniagaan di Myanmar dan sekarang terdapat 150 orang pengusaha yang telah beroperasi di sini dalam pelbagai jenis perniagaan termasuk hotel, perdagangan, pembalakan dan sebagainya," katanya.

-- BERNAMA

SLR AHH MOZ